

Kerajaan bakal pinda Akta Perikanan 1985

UM 02/07/24 mlg 5

KUALA KUMPUR: Kerajaan akan meminda Akta Perikanan 1985 secara menyeluruh pada sesi Parlimen akan datang.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pindaan akta yang wujud lebih 20 tahun itu akan merangkumi isu berkaitan semua kategori nelayan dan lokasi tangkapan.

Katanya, perkara itu untuk memberi keadilan kepada semua pihak.

“Kita akan pinda akta nelayan secara menyeluruh pada sesi Parlimen akan datang.

“Ini semua merangkumi hal nelayan kecil pukot besar, bot besar dan daerah penangkapan (hasil laut) supaya tindakan dapat diambil dengan baik.

“Kita cuba memberi keadilan kepada semua pihak,” katanya pada sesi pertanyaan jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Dr Ahmad Fakhrudin Fakhrurazi (PN-Kuala Kedah) berhubung sama ada Kementerian bercadang menyemak semula syarat pemberian lesen kategori nelayan kecil bertujuan memudahkan perolehan lesen kepada mereka.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, 6,000 permohonan lesen sampai diluluskan sejak 2021 hingga tahun ini.

Selain itu, katanya, operasi pemutihan lesen berkenaan turut dijalankan setiap tahun.

“Antaranya ada nelayan meninggal dunia. Kita juga bincang dalam (mesyuarat) Kabinet baru-baru ini mengenai tekong.

“Tekong bot ini lagi tua lagi berpengalaman. Kadang-kadang umur 60 tahun kita suruh dia bersara, tetapi lagi lama di laut lagi berpengalaman dan kita perlu tekong-tekong berpengalaman,” katanya.